



**PENYATA
KEWANGAN
KERAJAAN
NEGERI SELANGOR
TAHUN 2018**



PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR TAHUN 2018

DITERBITKAN DENGAN PERINTAH



PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR

PENYATA KEWANGAN NEGERI SELANGOR 2018

Penyata Kewangan Negeri Selangor disediakan oleh Perbendaharaan Negeri Selangor mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] dan diaudit oleh Ketua Audit Negara sebelum dibentangkan di Dewan Negeri Selangor mengikut kehendak Seksyen 16(2) Akta yang sama.

Penyediaan Penyata Kewangan Negeri Selangor adalah untuk menunjukkan kedudukan kewangan, aliran wang tunai dan prestasi kewangan. Penyata ini melaporkan urusan niaga kewangan berkaitan punca dan penggunaan sumber kewangan seperti yang telah diperuntukkan oleh Dewan Negeri Selangor bagi tahun kewangan 2018.

Persembahan Penyata Kewangan Negeri Selangor adalah selaras dengan amalan terbaik bagi memudahkan pemahaman dan analisis oleh pengguna penyata kewangan. Penyata ini mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.

KANDUNGAN

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR 2018

Muka Surat

LAPORAN BENDAHARI NEGERI	ix
--------------------------	----

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018	xxi
---	-----

PENYATA KEWANGAN

Glosari Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor 2018	3
Pernyataan Pegawai Kewangan Negeri Selangor dan Bendahari Negeri Selangor	5
Penyata Kedudukan Kewangan	6
Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai	7
Penyata Prestasi Kewangan	8
Penyata Akaun Memorandum	9
Nota Kepada Penyata Kewangan	10

LAMPIRAN KEPADA NOTA

LAMPIRAN

Lampiran 1 Penyata Perbelanjaan Mengurus	39
Lampiran 2 Penyata Perbelanjaan Pembangunan	57
Lampiran 3 Penyata Perbelanjaan Pembangunan Hutan	69
Lampiran 4 Penyata Akaun Memorandum Pinjaman Boleh Dituntut	73
Lampiran 5 Penyata Akaun Memorandum Pelaburan	85
Lampiran 6 Penyata Akaun Memorandum Liabiliti	89



LAPORAN BENDAHARI NEGERI

LAPORAN BENDAHARI NEGERI

PENDAHULUAN

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor dan laporannya disediakan mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 dan Piawaian Perakaunan Kerajaan. Laporan ini disediakan bertujuan untuk menerangkan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri serta ringkasan urus niaga kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2018.

PENYATA KEWANGAN

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 telah sempurna disediakan dan dikemukakan ke Jabatan Audit Negara Negeri Selangor pada 1 Februari 2019.

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor telah disediakan menurut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957. Ia mengandungi tiga akaun utama mengikut kehendak Seksyen 7 Akta Tatacara Kewangan 1957 iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan. Nota Kepada Penyata Kewangan mengandungi penjelasan lanjut serta jadual terperinci berkaitan jumlah di Penyata Kewangan.


PRESTASI BELANJAWAN

Belanjawan tahun 2018 yang telah diluluskan oleh Dewan Negeri Selangor pada November 2017, memperuntukkan RM1,460.00 juta bagi Perbelanjaan Mengurus dan RM1,660.00 juta bagi Perbelanjaan Pembangunan (termasuk peruntukan melalui pinjaman persekutuan berjumlah RM39.20 juta).

Jumlah Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan bagi tahun 2018 adalah RM2,767.79 juta, iaitu 88.71% daripada peruntukan berjumlah RM3,120.00 juta dengan Perbelanjaan Mengurus sebanyak RM1,340.79 juta dan Perbelanjaan Pembangunan RM1,427.00 juta.

Perbelanjaan Mengurus terdiri daripada Perbelanjaan Tanggungan dan Bekalan. Perbelanjaan Tanggungan berjumlah RM64.24 juta, iaitu 95.63% daripada jumlah peruntukan RM67.17 juta. Perbelanjaan Bekalan berjumlah RM1,276.55 juta (tidak termasuk pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan), iaitu 91.65% daripada jumlah peruntukan RM1,392.83 juta.


Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 2018 berjumlah RM1,427.00 juta iaitu 85.96% daripada jumlah peruntukan sebanyak RM1,660.00 juta. Daripada jumlah ini, perbelanjaan secara langsung adalah berjumlah RM1,407.13 juta, manakala perbelanjaan secara Pinjaman Persekutuan berjumlah RM19.87 juta. **Carta 1** menunjukkan belanjawan dan perbelanjaan sebenar Negeri Selangor bagi tahun 2018.



PRESTASI KEWANGAN

Operasi kewangan Kerajaan Negeri Selangor bagi tahun 2018 berakhir dengan kurangan sebanyak RM769.27 juta berbanding tahun 2017 dengan kurangan sebanyak RM407.64 juta. Kurangan ini disebabkan oleh hasil yang dikutip adalah sebanyak RM1,998.52 juta berbanding dengan perbelanjaan sebanyak RM2,767.79 juta. **Carta 2** menunjukkan prestasi kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun 2014 hingga 2018.


**CARTA 2 :
PRESTASI KEWANGAN NEGERI SELANGOR
TAHUN 2014 HINGGA 2018**



PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

Penyata Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri menunjukkan jumlah wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi ketiga-tiga akaun Kumpulan Wang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.

Selaras dengan asas perakaunan tunai yang digunakan oleh Kerajaan Negeri, hanya pelaburan yang dipegang bagi akaun hasil dan akaun amanah tertentu sahaja dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. **Carta 3** menunjukkan baki Kumpulan Wang Disatukan bagi tahun 2014 hingga 2018.




WANG AWAM

Wang Tunai

Wang Tunai Kerajaan Negeri Selangor pada tahun 2018 adalah berjumlah RM417.54 juta terdiri daripada Wang Tunai Dalam Tangan RM3.66 juta, Wang Tunai Dalam Perjalanan RM0.72 juta dan Wang Tunai Dalam Bank sebanyak RM413.16 juta. **Carta 4** menunjukkan kedudukan Wang Tunai pada tahun 2018.

**CARTA 4:
WANG TUNAI (RM JUTA)**




Pelaburan

Pelaburan yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan pada tahun 2018 adalah berjumlah RM1,717.83 juta berbanding RM2,113.72 juta pada tahun 2017. Deposit Dalam Negeri (simpanan tetap melebihi tempoh tiga (3) bulan) merupakan komponen terbesar di dalam Pelaburan. Laporan terperinci mengenai pelaburan boleh dirujuk kepada Nota 4, Nota Kepada Penyata Kewangan.

Selain daripada simpanan Kerajaan Negeri dalam bentuk simpanan tetap di bank-bank perdagangan dan syarikat kewangan, Kerajaan Negeri juga membuat pelaburan dalam saham melalui Tabung Warisan Negeri Selangor, Tabung Amanah Bencana Alam dan Tabung Amanah Warisan Anak Selangor. **Carta 5** menunjukkan kedudukan Wang Awam dari tahun 2014 hingga 2018.

CARTA 5 :
KEDUDUKAN WANG AWAM NEGERI SELANGOR
TAHUN 2014 HINGGA 2018




KUMPULAN WANG DISATUKAN

AKAUN HASIL DISATUKAN

Carta 6 menunjukkan kedudukan Akaun Hasil Disatukan Kerajaan Negeri dari tahun 2014 hingga 2018.

CARTA 6 :
KEDUDUKAN AKAUN HASIL DISATUKAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR
DARI TAHUN 2014 HINGGA 2018




Hasil

Hasil Kerajaan Negeri pada tahun 2018 adalah sebanyak RM1,998.52 juta berbanding hasil tahun 2017 berjumlah RM2,810.10 juta iaitu pengurangan 28.88% sebanyak RM811.58 juta.


Prestasi kutipan Hasil Cukai pada tahun 2018 adalah berjumlah RM654.54 juta berbanding anggaran RM642.75 juta. Pencapaian Hasil Bukan Cukai iaitu 76.17% sebanyak RM1,061.51 juta telah dikutip berbanding anggaran sebanyak RM1,393.62 juta. Bagi Terimaan Bukan Hasil, kutipan yang diperolehi adalah berjumlah RM282.46 juta iaitu 132.22% daripada yang dianggarkan berjumlah RM213.63 juta. **Carta 7** menunjukkan pecahan jenis hasil pada tahun 2018.

CARTA 7:
PECAHAN KUTIPAN HASIL NEGERI SELANGOR
TAHUN 2018




Carta 8 dan **Carta 9** menunjukkan prestasi kutipan hasil dan pertumbuhan hasil Kerajaan Negeri bagi tahun 2014 hingga 2018.

**CARTA 8 :
PRESTASI KUTIPAN HASIL KERAJAAN NEGERI BAGI
TEMPOH 2014 HINGGA 2018 (RM JUTA)**



**CARTA 9 :
JUMLAH HASIL NEGERI**




Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan Mengurus telah mencapai 91.83% bagi tahun 2018 berbanding jumlah yang diperuntukkan. Perbelanjaan Mengurus pada tahun 2018 berjumlah RM1,340.79 juta berbanding RM1,586.00 juta pada tahun 2017 iaitu penurunan 15.46% sebanyak RM245.21 juta.


Perbelanjaan Perkhidmatan dan Bekalan merupakan perbelanjaan tertinggi bagi Kerajaan Negeri iaitu berjumlah RM483.62 juta. Manakala Emolumen sebanyak RM448.48 juta, diikuti, Pemberian dan Kenaan Tetap adalah sebanyak RM354.40 juta. Perbelanjaan-perbelanjaan Lain dan Aset masing-masing sebanyak RM39.81 juta dan RM14.48 juta. **Carta 10** menunjukkan pecahan belanja mengurus pada tahun 2018.

**CARTA 10 :
PECAHAN BELANJA MENGURUS NEGERI SELANGOR
TAHUN 2018**




Carta 11 menunjukkan prestasi Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Negeri bagi tahun 2014 hingga 2018.

CARTA 11 :
ALIRAN PERBELANJAAN MENURUS KERAJAAN NEGERI BAGI TEMPOH
2014 HINGGA 2018



Carta 12 menunjukkan jumlah baki Akaun Amanah Disatukan bagi tahun 2017 dan 2018.

CARTA 12 :
AKAUN AMANAH DISATUKAN BAGI TAHUN
2017 DAN 2018



AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

Akaun Pinjaman Disatukan memperakaunkan semua pinjaman yang diterima oleh Kerajaan Negeri daripada Kerajaan Persekutuan dan pembayaran yang berkaitan. Akaun Pinjaman Disatukan pada 31 Disember 2018 adalah berbaki sifar.

AKAUN AMANAH DISATUKAN

Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Deposit. Pada tahun 2018, Akaun Amanah Disatukan telah menunjukkan baki sebanyak RM1,672.28 juta berbanding RM1,756.46 juta pada tahun 2017.

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan mengakaunkan terimaan daripada peruntukan Kerajaan dan bayaran bagi maksud tertentu mengikut Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Ia boleh dikategorikan seperti berikut:

- Kumpulan Wang Pembangunan;
- Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan;
- Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan; dan
- Kumpulan Wang Pembangunan Hutan.

Kumpulan Wang Pembangunan

Kumpulan Wang Pembangunan pada tahun 2018 telah mencatat kurangan sebanyak RM116.36 juta berbanding lebih banyak

RM28.96 juta pada tahun 2017. Oleh yang demikian, baki terkumpul Kumpulan Wang Pembangunan pada tahun 2018 adalah RM41.45 juta berbanding RM157.81 juta seperti pada tahun 2017. Perbelanjaan Pembangunan iaitu perbelanjaan langsung dan pinjaman telah mencatatkan penurunan sebanyak 12.50% berbanding tahun 2017 iaitu sebanyak RM203.19 juta.

Carta 13 menunjukkan penerimaan dan Perbelanjaan Pembangunan Negeri Selangor bagi tahun 2014 hingga 2018.



Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan

Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan ditubuhkan berdasarkan peruntukan Akta Tatacara Kewangan 1957 mengakaunkan semua terimaan dan bayaran berkaitan dengan kemudahan pinjaman perumahan kepada kakitangan Perkhidmatan Awam

Negeri dan Ahli Pentadbiran Kerajaan Negeri. Pada 31 Disember 2018 baki Kumpulan Wang ini adalah berjumlah RM18.42 juta berbanding RM24.47 juta pada 31 Disember 2017.

Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan adalah terdiri daripada Akaun Penyelesaian, Akaun Perniagaan (Akaun Stor dan Kerja Tak Beruntuk dan Workshop dan Akaun Workshop Jabatan Kerja Raya), Akaun Pinjaman, Kumpulan Wang Luar Jangka dan Akaun Pelbagai Kumpulan Wang. Kumpulan Wang ini berbaki sebanyak RM821.42 juta dalam tahun 2018 berbanding RM769.33 juta dalam tahun 2017.

Kumpulan Wang Pembangunan Hutan

Kumpulan Wang Pembangunan Hutan merupakan kumpulan wang yang ditubuhkan di bawah Akta Perhutanan Negara 1984. Kumpulan Wang ini telah mencatatkan lebih sebanyak RM3.93 juta pada tahun 2018 berbanding lebih sebanyak RM3.91 juta pada tahun 2017. Baki Kumpulan Wang Pembangunan Hutan pada 31 Disember 2018 adalah RM23.47 juta.

Kumpulan Wang Amanah Awam

Kumpulan Wang Amanah Awam ditubuhkan di bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] untuk

mengakaunkan wang amanah yang diamanahkan kepada Kerajaan Negeri dan amanah khas bagi mengakaunkan wang yang diterima bagi maksud tertentu. Kumpulan Wang Amanah Awam adalah berbaki sebanyak RM423.29 juta pada tahun 2018 berbanding RM533.28 juta pada tahun 2017.

Deposit

Deposit terdiri daripada Deposit Am dan Deposit Pelarasan. Deposit Am adalah wang yang diterima khusus bagi sesuatu maksud di bawah undang-undang atau perjanjian dan perlu dibayar balik apabila maksud telah dicapai. Deposit Pelarasan adalah akaun sementara yang diguna sebelum bayaran dibuat atau pelarasan kepada akaun tertentu. Pada tahun 2018, Akaun Deposit adalah berbaki RM344.24 juta berbanding RM252.02 juta pada tahun 2017.

PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI

Pada tahun 2018, Kerajaan Negeri telah mencatatkan pengurangan wang tunai sebanyak RM307.56 juta berikutan jumlah bayaran RM2,767.79 juta melebihi jumlah terimaan RM2,460.23 juta. Wang tunai pada 31 Disember 2018 adalah sebanyak RM417.54 juta. Laporan terperinci mengenai penerimaan dan pembayaran wang tunai boleh dirujuk di Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai Kerajaan Negeri.

Jumlah terimaan sebanyak RM2,460.23 juta adalah terdiri daripada hasil berjumlah RM1,998.52 juta iaitu 81.23%, terimaan pinjaman berjumlah RM17.68 juta iaitu 0.72%, terimaan modal berjumlah RM415.78 juta iaitu 16.90% dan terimaan amanah berjumlah RM28.26 juta iaitu 1.15%.

Jumlah bayaran Kerajaan Negeri bagi tahun 2018 adalah RM2,767.79 juta. Komponen terbesar daripada jumlah bayaran ini adalah Perbelanjaan Pembangunan yang berjumlah RM1,427.00 juta iaitu 51.56% manakala Perbelanjaan Mengurus adalah berjumlah RM1,328.84 juta iaitu 48.01%, bayaran balik pinjaman dalam negeri berjumlah RM11.95 juta iaitu 0.43%.

PENYATA AKAUN MEMORANDUM ASET


Pinjaman Boleh Dituntut

Kerajaan Negeri turut memperuntukkan sejumlah amaun kepada anak syarikat/agensi Kerajaan Negeri, Badan Berkanun Negeri serta Pihak Berkuasa Tempatan untuk mendapatkan pinjaman bagi membiayai aktiviti dan projek yang dilaksanakan. Baki Pinjaman Boleh Dituntut bagi pinjaman-pinjaman yang telah dikeluarkan sehingga 31 Disember 2018 adalah berjumlah RM1,294.93 juta berbanding RM1,187.60 juta pada 31 Disember 2017 iaitu peningkatan sebanyak 9.04%.

Pelaburan

Baki terkumpul pelaburan Kerajaan Negeri dalam anak-anak syarikat yang dikenakan kepada Perbelanjaan Mengurus dan Perbelanjaan Pembangunan pada tahun 2018 dan 2017 adalah berjumlah RM191.10 juta. **Carta 14** menunjukkan kedudukan Akaun Memorandum Aset bagi tahun 2014 hingga 2018.

CARTA 14 :
KEDUDUKAN AKAUN MEMORANDUM ASET
NEGERI SELANGOR
TAHUN 2014 HINGGA 2018




PENYATA AKAUN MEMORANDUM LIABILITI

Hutang Awam

Kerajaan Negeri telah membayar balik pinjaman sejumlah RM133.03 juta daripada jumlah pinjaman pokok Kerajaan Persekutuan berjumlah RM1,236.39 juta, dan baki pinjaman pokok pada 31 Disember 2018 adalah berjumlah RM1,103.36 juta.

Carta 15 menunjukkan pecahan hutang awam Kerajaan Negeri pada tahun 2018.

CARTA 15 :
PECAHAN HUTANG AWAM NEGERI




PENUTUP

Adalah menjadi matlamat Perbendaharaan Negeri Selangor untuk menguruskan kewangan Kerajaan Negeri Selangor dengan cekap serta mematuhi peraturan kewangan yang berkuat kuasa agar semua dasar, program, projek dan aktiviti yang dirancang dapat dilaksana dengan berkesan bagi mengekalkan prestasi negeri maju yang telah dicapai.



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN NEGERI SELANGOR
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2018, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, dasar dan kaedah perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 2 hingga 31.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Selangor pada 31 Disember 2018 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957, Piawaian Perakaunan Kerajaan Malaysia dan *International Public Sector Accounting Standard (Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting)*.

Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya diuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Kerajaan Negeri Selangor dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Pendapat saya terhadap penyata kewangan Kerajaan Negeri Selangor tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Pegawai Kewangan Negeri Terhadap Penyata Kewangan

Pegawai Kewangan Negeri bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Kerajaan Negeri Selangor yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957, Piawaian Perakaunan Kerajaan Malaysia dan *International Public Sector Accounting Standard (Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting)*. Pegawai Kewangan Negeri juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Kerajaan Negeri Selangor adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Kerajaan Negeri Selangor, Pegawai Kewangan Negeri bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kerajaan Negeri Selangor untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Kerajaan Negeri Selangor secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* , saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengetahui pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Kerajaan Negeri Selangor, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan, kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Kerajaan Negeri Selangor.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Pegawai Kewangan Negeri.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Pegawai Kewangan Negeri dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Kerajaan Negeri Selangor sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Kerajaan Negeri Selangor atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Kerajaan Negeri Selangor memberi gambaran yang saksama.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Tatacara Kewangan 1957, saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Kerajaan Negeri Selangor telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

Hal-hal Lain

- a. Saya ingin menarik perhatian terhadap kelemahan dalam penyediaan penyata kewangan melibatkan kesilapan dalam Nota kepada Penyata Kewangan yang tidak menjejaskan angka kepada Penyata Kewangan. Kesilapan material melibatkan perbezaan bagi Kurangan dalam Akaun Hasil Disatukan sejumlah RM18,449,690.98 di Nota 5 dan perbezaan bagi Jumlah Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan sejumlah RM4,186,359.94 di Nota 7a(iii) telah dipinda sewajarnya. Kerajaan Negeri disaran untuk mempertingkatkan kawalan kualiti dan membuat semakan dengan lebih teliti terhadap penyata kewangan yang akan dikemukakan untuk diaudit.
- b. Laporan ini disediakan selaras dengan keperluan Perkara 106(1) Perlembagaan Persekutuan dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.


(DATO' NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
21 OGOS 2019





PENYATA KEWANGAN

GLOSARI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR 2018

PERNYATAAN PEGAWAI KEWANGAN NEGERI SELANGOR DAN BENDAHARI NEGERI SELANGOR

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

WANG AWAM

Wang Tunai

Pelaburan

KUMPULAN WANG DISATUKAN

Akaun Hasil Disatukan

Akaun Pinjaman Disatukan

Akaun Amanah Disatukan

PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI

PENYATA PRESTASI KEWANGAN

PENYATA AKAUN MEMORANDUM

Memorandum Aset

Pinjaman Boleh Dituntut

Pelaburan

Memorandum Liabiliti

Hutang Awam

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

PERNYATAAN PEGAWAI KEWANGAN NEGERI SELANGOR DAN BENDAHARI NEGERI SELANGOR

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor 2018 dan Nota kepada Penyata Kewangan disediakan:


- (a) mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard – Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting*; dan
- (b) dengan menyatukan maklumat kewangan daripada semua Jabatan Kerajaan Negeri Selangor.

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan dan Penyata Akaun Memorandum berserta Nota Kepada Penyata Kewangan menunjukkan kedudukan yang benar dan saksama pada 31 Disember 2018.

Pada masa pernyataan ini ditandatangani, mengikut sebaik-baik pengetahuan kami, tidak wujud apa-apa keadaan yang boleh menjejaskan ketepatan dan kesahihan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor 2018.



DATO' NOR AZMIE DIRON D.P.M.S
Pegawai Kewangan Negeri
24 Julai 2019



DR. SHAHRIL BIN BAHARIM CA(M), FGMA, CGMA
Bendahari Negeri
24 Julai 2019

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN pada 31 Disember 2018

	Nota	2018 RM	2017 RM
WANG AWAM			
WANG TUNAI	3	417,541,187.89	725,101,697.53
PELABURAN	4	1,717,834,293.51	2,113,717,501.39
		2,135,375,481.40	2,838,819,198.92
DIPEGANG BAGI:			
KUMPULAN WANG DISATUKAN			
AKAUN HASIL DISATUKAN	5	463,091,456.50	1,082,363,210.15
AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	6	0.00	0.00
AKAUN AMANAH DISATUKAN	7	1,672,284,024.90	1,756,455,988.77
		2,135,375,481.40	2,838,819,198.92

Nota – nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI

bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

		2018		2017	
	Nota	RM	RM	RM	RM
TERIMAAN					
Hasil	5				
Hasil Cukai		654,540,858.44		666,380,215.94	
Hasil Bukan Cukai		1,061,514,501.70		1,929,108,096.51	
Terimaan Bukan Hasil		<u>282,461,676.09</u>	1,998,517,036.23	<u>214,615,459.20</u>	2,810,103,771.65
Pinjaman					
Dalam Negeri	6	17,676,943.00		52,084,295.00	
Luar Negeri		<u>0.00</u>	17,676,943.00	<u>0.00</u>	52,084,295.00
Terimaan Modal					
Pelbagai Terimaan Modal	7	19,891,958.50		19,867,847.62	
Jualan Instrumen Kewangan	4	<u>395,883,207.88</u>	415,775,166.38	<u>887,169,170.53</u>	907,037,018.15
Terimaan Lain					
Terimaan Amanah	7	<u>28,259,134.63</u>	28,259,134.63	<u>123,299,060.57</u>	123,299,060.57
Jumlah Terimaan			2,460,228,280.24		3,892,524,145.37
BAYARAN					
Perbelanjaan Mengurus	5				
Emolumen		448,483,157.18		464,960,024.00	
Perkhidmatan dan Bekalan		483,617,358.21		497,595,571.50	
Aset		14,485,989.76		19,521,670.89	
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap		342,444,432.47		538,757,532.65	
Perbelanjaan Lain		<u>39,806,551.83</u>	1,328,837,489.45	<u>47,986,959.99</u>	1,568,821,759.03
Perbelanjaan Pembangunan	7				
Langsung		1,407,127,157.27		1,592,666,499.14	
Pinjaman		<u>19,872,961.37</u>	1,427,000,118.64	<u>39,079,629.10</u>	1,631,746,128.24
Perbelanjaan Modal					
Pembelian Instrumen Kewangan	4	<u>0.00</u>	0.00	<u>0.00</u>	0.00
Pinjaman					
Dalam Negeri	9	11,951,181.79		17,173,931.67	
Luar Negeri		<u>0.00</u>	11,951,181.79	<u>0.00</u>	17,173,931.67
Bayaran Lain					
Bayaran Amanah		<u>0.00</u>	0.00	<u>0.00</u>	0.00
Jumlah Bayaran			2,767,788,789.88		3,217,741,818.94
Tambahan / (Kurangan) Wang Tunai			(307,560,509.64)		674,782,326.43
Wang Tunai Pada 1 Januari			725,101,697.53		50,319,371.10
WANG TUNAI PADA 31 DISEMBER			<u>417,541,187.89</u>		<u>725,101,697.53</u>

Nota – nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PRESTASI KEWANGAN bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

		2018	2017
	Nota	Anggaran RM	Sebenar RM
HASIL	5	2,250,000,000.00	2,810,103,771.65
Tolak:			
Belanja Mengurus	5	1,460,000,000.00	1,585,995,690.70
LEBIHAN HASIL		790,000,000.00	1,224,108,080.95
Tolak:			
Belanja Pembangunan	7	1,660,000,000.00	1,631,746,128.24
LEBIHAN/ (KURANGAN) KESELURUHAN		(870,000,000.00)	(407,638,047.29)
DIBIYAI OLEH:			
Pinjaman dan Bantuan Luar Negeri		17,676,943.00	52,084,295.00
Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan		19,891,958.50	19,867,847.62
Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah		731,702,852.15	335,685,904.67
JUMLAH PEMBIAYAAN		769,271,753.65	407,638,047.29

Nota – nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA AKAUN MEMORANDUM pada 31 Disember 2018

	Nota	2018 RM	2017 RM
MEMORANDUM ASET	8		
Pinjaman Boleh Dituntut		1,294,927,616.86	1,187,598,276.48
Pelaburan		191,103,697.00	191,103,697.00
MEMORANDUM LIABILITI	9		
Hutang Awam		1,103,363,775.45	1,120,908,762.00

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018

DASAR DAN KAEDAH PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN

1. DASAR DAN PRINSIP PERAKAUNAN

Dasar dan prinsip perakaunan diguna secara konsisten dalam penyediaan penyata kewangan kecuali dinyatakan sebaliknya.

- a) Dasar perakaunan adalah tertakluk kepada undang–undang dan peraturan yang berkaitan dengan pengurusan perakaunan dan kewangan Kerajaan Negeri.
- b) Perakaunan Kerajaan Negeri adalah berasaskan Kumpulan Wang Disatukan selaras dengan:
 - i) Perkara 97 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa segala hasil diterima kecuali Zakat, Fitrah dan Baitulmal atau lain-lain hasil agama Islam seumpamanya, dikumpulkan menjadi satu kumpulan wang.
 - ii) Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa tiada wang boleh dikeluarkan dari Kumpulan Wang Disatukan melainkan diperuntukkan atau dibenarkan dengan cara lain oleh Dewan Negeri Selangor, kecuali untuk perbelanjaan tanggungan tertentu.
 - iii) Seksyen 7 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] memperuntukkan Kumpulan Wang Disatukan dibahagi kepada Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.
- c) Kerajaan Negeri mengamalkan asas perakaunan tunai ubahsuai. Semua urusan niaga bayaran dan terimaan diakaunkan apabila bayaran dibuat dan terimaan diperolehi dengan pengubahsuaian seperti berikut:
 - i) Bayaran bagi kerja yang telah dijalankan, bekalan dan perkhidmatan yang telah diterima sehingga 31 Disember tahun kewangan semasa boleh dibayar dalam bulan Januari tahun berikutnya dan dikenakan kepada peruntukan tahun semasa.
 - ii) Terimaan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambil kira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada 31 Disember tahun kewangan semasa merupakan wang tunai dalam perjalanan dan diakaunkan sebagai hasil tahun kewangan semasa.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018

- iii) Mengakaun urusan niaga bukan tunai tertentu seperti pindahan peruntukan daripada Akaun Hasil Disatukan ke Akaun Amanah Disatukan dan seumpamanya.
- d) Entiti Perakaunan Kerajaan Negeri Selangor adalah termasuk semua Jabatan Kerajaan Negeri tetapi tidak termasuk Badan-Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan dan Syarikat Milik Kerajaan Negeri.
- e) Tahun kewangan sebagaimana yang telah ditetapkan di bawah Seksyen 3 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] adalah satu tempoh dua belas bulan yang berakhir pada 31 Disember setiap tahun.
- f) Matawang yang digunakan dalam Penyata Kewangan ini adalah Ringgit Malaysia (RM). Urusniaga yang melibatkan matawang asing telah ditukar kepada nilai setara RM berdasarkan kadar pertukaran Bank Negara Malaysia atau Jabatan Akauntan Negara Malaysia mengikut polisi yang ditetapkan.
- g) Penyata Kewangan disediakan mengikut asas yang sama dengan Anggaran Perbelanjaan bagi membolehkan perbandingan dibuat.
- h) Apabila berlaku perubahan ke atas persembahan atau klasifikasi butiran, angka perbandingan telah dinyatakan semula kecuali dinyatakan sebaliknya.

2. PERSEMBAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang disedia mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard (IPSAS) - Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting* mengandungi komponen berikut :

- a) Penyata Kedudukan Kewangan
- b) Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai
- c) Penyata Prestasi Kewangan
- d) Penyata Akaun Memorandum
- e) Nota Kepada Penyata Kewangan

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018

3. WANG TUNAI

Wang Tunai terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan.

Wang Tunai Dalam Bank terdiri daripada baki akaun semasa dan simpanan tetap bagi tempoh yang tidak melebihi tiga (3) bulan.

Wang Tunai Dalam Perjalanan menunjukkan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambil kira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada akhir tahun kewangan.

Wang Tunai Dalam Tangan merupakan Panjar Wang Runcit dan Panjar Khas Skim Mesra Usia Emas.

Wang Tunai pada 31 Disember 2018 adalah seperti berikut:

Perihal	2018 RM	2017 RM
Wang Tunai Dalam Bank	413,162,325.50	718,828,055.86
Wang Tunai Dalam Perjalanan	720,212.39	2,614,691.67
Wang Tunai Dalam Tangan	3,658,650.00	3,658,950.00
JUMLAH WANG TUNAI	417,541,187.89	725,101,697.53

4. PELABURAN

Pelaburan terdiri daripada Pelaburan Kumpulan Wang Amanah dan Pelaburan Am serta dinyatakan pada nilai buku.

Pelaburan Kumpulan Wang Amanah ialah pelaburan yang dibuat daripada Kumpulan Wang Amanah selaras dengan arahan amanah Seksyen 9 dan suratcara amanah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] serta peraturan yang berkuatkuasa. Pelaburan Am adalah semua pelaburan yang dibuat daripada lebihan Kumpulan Wang Disatukan selain daripada pelaburan Kumpulan Wang Amanah.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018

Pelaburan pada 31 Disember 2018 adalah seperti berikut:

Perihal	2018 Nilai Buku		2017 Nilai Buku	
	Pelaburan Kumpulan Wang Amanah	Pelaburan Am	Pelaburan Kumpulan Wang Amanah	Pelaburan Am
	RM	RM	RM	RM
Pelaburan Tabung Warisan Negeri Selangor	607,664,745.99	-	578,903,999.79	-
Pelaburan Tabung Amanah Bencana Alam	62,420,102.51	-	60,712,779.81	-
Pelaburan Tabung Amanah Warisan Anak Selangor	39,342,943.01	-	25,694,219.79	-
Jaminan Bank Pertanian Malaysia	-	10,000,000.00	-	10,000,000.00
Saham*	-	262,406,502.00	-	262,406,502.00
Deposit Dalam Negeri	-	736,000,000.00	-	1,176,000,000.00
Jumlah	709,427,791.51	1,008,406,502.00	665,310,999.39	1,448,406,502.00
JUMLAH PELABURAN	1,717,834,293.51		2,113,717,501.39	

Nota (*)- Pelaburan saham hendaklah dibaca bersekali dengan Penyata Memorandum Pelaburan (F2)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018

5. AKAUN HASIL DISATUKAN

Akaun Hasil Disatukan mengakaun semua urusan niaga terimaan hasil dan Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Negeri selaras dengan Perkara 97 dan 98 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61].

Akaun Hasil Disatukan bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 adalah seperti berikut:

Perihal	2018			2017	
	Anggaran RM	Sebenar RM	% Anggaran	Sebenar RM	% Anggaran
BAKI PADA 1 JAN		1,082,363,210.15		1,450,921,628.34	
HASIL					
Hasil Cukai	642,749,000.00	654,540,858.44	101.83	666,380,215.94	105.89
Hasil Bukan Cukai	1,393,621,000.00	1,061,514,501.70	76.17	1,929,108,096.51	112.88
Terimaan Bukan Hasil	213,630,000.00	282,461,676.09	132.22	214,615,459.20	101.39
Jumlah Hasil	2,250,000,000.00	1,998,517,036.23	88.82	2,810,103,771.65	110.20
PERBELANJAAN MENURUS					
Emolumen	468,640,707.02	448,483,157.18	95.70	464,960,024.00	97.00
Perkhidmatan & Bekalan	536,557,735.93	483,617,358.21	90.13	497,595,571.50	95.20
Aset	16,100,435.40	14,485,989.76	89.97	19,521,670.89	98.14
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap **	363,806,630.37	354,395,614.26	97.41	555,931,464.32	96.73
Perbelanjaan Lain	74,894,491.28	39,806,551.83	53.15	47,986,959.99	90.00
Perbelanjaan Mengurus (Sebelum Pindahan)	1,460,000,000.00	1,340,788,671.24	91.83	1,585,995,690.70	96.12
Pindahan Ke Kumpulan Wang Pembangunan/Hutan	1,605,800,000.00	1,277,000,118.64	79.52	1,592,666,499.14	91.56
Jumlah Perbelanjaan Mengurus (Selepas Pindahan)	3,065,800,000.00	2,617,788,789.88	85.39	3,178,662,189.84	93.78
Lebihan/ (Kurangan) bagi Tahun	(815,800,000.00)	(619,271,753.65)		(368,558,418.19)	
BAKI PADA 31 DISEMBER		463,091,456.50		1,082,363,210.15	

Nota (**) – Tidak termasuk pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan/Hutan

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018

a) Hasil

Hasil diakaunkan secara jumlah kasar ke dalam Akaun Hasil kecuali diperuntukkan sebaliknya oleh mana-mana undang-undang.

Hasil mengikut penjenisannya bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 adalah seperti berikut:

Perihal	2018				2017	
	Anggaran Asal	Anggaran Disemak	Sebenar		Sebenar	
	RM	RM	RM	% Anggaran	RM	% Anggaran
HASIL CUKAI						
Cukai Tanah	524,500,000.00	524,500,000.00	519,962,968.76	99.13	537,530,716.33	107.94
Cukai Parit & Taliair	21,290,000.00	21,290,000.00	24,507,811.43	115.11	23,589,031.67	88.95
Cukai Eksport Hasil Hutan	40,004,000.00	40,004,000.00	47,681,608.31	119.19	46,814,451.88	96.92
Cukai Hiburan	56,955,000.00	56,955,000.00	62,388,469.94	109.54	58,446,016.06	103.44
Jumlah Hasil Cukai	642,749,000.00	642,749,000.00	654,540,858.44	101.83	666,380,215.94	105.89
HASIL BUKAN CUKAI						
Bayaran Pendaftaran, Lesen & Permit	72,288,000.00	72,288,000.00	102,434,441.22	141.70	97,346,756.05	137.06
Perkhidmatan & Bayaran	101,335,000.00	101,335,000.00	111,368,464.74	109.90	109,525,617.81	96.84
Perolehan Dari Jualan Barang-barang	1,092,573,000.00	1,092,573,000.00	635,618,247.69	58.18	1,547,202,705.79	111.44
Sewaan	2,377,500.00	2,377,500.00	4,893,335.56	205.82	4,039,575.21	131.61
Keuntungan Pembiayaan & Perolehan	95,845,500.00	95,845,500.00	96,678,699.12	100.87	104,389,285.06	101.09
Denda & Hukuman	23,202,000.00	23,202,000.00	108,484,002.29	467.56	27,525,133.80	113.72
Sumbangan & Bayaran Ganti	6,000,000.00	6,000,000.00	2,037,311.08	33.96	39,079,022.79	651.32
Jumlah Hasil Bukan Cukai	1,393,621,000.00	1,393,621,000.00	1,061,514,501.70	76.17	1,929,108,096.51	112.88
TERIMAAN BUKAN HASIL						
Pulang Balik Perbelanjaan	12,830,000.00	12,830,000.00	70,007,186.09	545.65	44,466,621.20	243.55
Terimaan daripada Agensi Kerajaan	200,800,000.00	200,800,000.00	212,454,490.00	105.80	170,148,838.00	87.98
Jumlah Terimaan Bukan Hasil	213,630,000.00	213,630,000.00	282,461,676.09	132.22	214,615,459.20	101.39
JUMLAH HASIL	2,250,000,000.00	2,250,000,000.00	1,998,517,036.23	88.82	2,810,103,771.65	110.20

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018

b) Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan Mengurus terdiri daripada perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan dan Bekalan seperti emolumen, perkhidmatan dan bekalan, aset, pemberian dan kenaikan bayaran tetap dan perbelanjaan-perbelanjaan lain.

Perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan adalah perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan mengikut Undang-undang Negeri. Perbelanjaan ini termasuklah bayaran pencen, pampasan, ganjaran, perbelanjaan hutang dan ganti rugi atau bayaran atas perintah mahkamah. Walaupun peruntukan bagi menampung perbelanjaan tanggungan disertakan dalam anggaran yang dikemukakan di Dewan Negeri Selangor, ianya tidak termasuk dalam Enakmen-Enakmen Perbekalan kerana perbelanjaan tanggungan telah terdahulunya dibenarkan oleh Undang-undang Persekutuan.

Perbelanjaan bagi Maksud Bekalan adalah perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan berdasarkan kelulusan Dewan Negeri Selangor selaras dengan Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018

Perbelanjaan Mengurus mengikut Maksud Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 adalah seperti berikut:

Maksud Perbelanjaan	2018			
	Anggaran Asal RM	Anggaran Disemak RM	Sebenar RM	% Anggaran
PERBELANJAAN TANGGUNGAN				
T.01 Peruntukan Diraja	25,393,159.00	25,393,159.00	22,585,218.40	88.94
T.02 Pejabat Dewan	11,379,897.00	11,379,897.00	11,294,179.57	99.25
T.03 Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri	473,924.00	473,924.00	432,370.00	91.23
T.04 Pelbagai	29,927,100.00	29,927,100.00	29,926,076.06	100.00
Jumlah Perbelanjaan Tanggungan	67,174,080.00	67,174,080.00	64,237,844.03	95.63
PERBELANJAAN BEKALAN				
B.01 Menteri Besar & SUK	137,248,398.00	137,248,398.00	129,072,343.21	94.04
B.02 Pelbagai Perkhidmatan	81,078,409.00	81,078,409.00	80,080,909.00	98.77
B.03 Dewan Negeri Selangor	30,548,636.00	30,548,636.00	25,849,498.62	84.62
B.04 Perbendaharaan Negeri Selangor	120,648,738.00	120,648,738.00	117,135,996.38	97.09
B.07 Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri	1,622,717.00	1,622,717.00	1,379,195.25	84.99
B.08 Jabatan Pertanian Negeri Selangor	23,239,618.00	23,239,618.00	20,955,906.96	90.17
B.09 Pejabat Tanah Dan Galian	27,218,010.00	27,218,010.00	24,832,873.95	91.24
B.10 Jabatan Perhutanan Selangor	25,384,772.00	25,384,772.00	22,310,079.50	87.89
B.11 Jabatan Mufti	3,863,544.00	3,863,544.00	3,701,758.27	95.81
B.12 Jabatan Kerja Raya Selangor	127,765,310.00	127,765,310.00	115,797,985.05	90.63
B.13 Jabatan Pengairan Dan Saliran Selangor	122,623,929.00	122,623,929.00	110,492,399.89	90.11
B.14 Jabatan Agama Islam Selangor	294,078,429.00	294,078,429.00	281,602,360.15	95.76

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018

Perbelanjaan Mengurus mengikut Maksud Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 adalah seperti berikut (sambungan):

Maksud Perbelanjaan	2018			
	Anggaran Asal RM	Anggaran Disemak RM	Sebenar RM	% Anggaran
PERBELANJAAN BEKALAN				
B.15 Jabatan Kebajikan Masyarakat Selangor	22,681,163.00	22,681,163.00	22,526,002.42	99.32
B.16 Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa	10,064,563.00	10,064,563.00	9,706,352.92	96.44
B.17 Jabatan Perkhidmatan Veterinar Selangor	16,051,666.00	16,051,666.00	14,428,409.27	89.89
B.18 PDT Petaling	16,064,144.00	16,064,144.00	15,129,623.48	94.18
B.19 PDT Gombak	14,460,429.00	14,460,429.00	13,528,367.07	93.55
B.20 PDT Klang	15,692,808.00	15,692,808.00	14,366,324.33	91.55
B.21 PDT Kuala Langat	12,352,192.00	12,352,192.00	12,223,066.12	98.95
B.22 PDT Hulu Langat	14,850,348.00	14,850,348.00	14,339,077.11	96.56
B.23 PDT Sepang	11,762,600.00	11,762,600.00	11,132,089.33	94.64
B.24 PDT Kuala Selangor	12,806,927.00	12,806,927.00	12,247,952.44	95.64
B.25 PDT Hulu Selangor	13,172,130.00	13,172,130.00	12,808,367.12	97.24
B.26 PDT Sabak Bernam	13,848,507.00	13,848,507.00	13,062,307.70	94.32
B.27 Mahkamah Syariah	36,236,978.00	36,236,978.00	35,084,318.43	96.82
B.29 Perbendaharaan Negeri (Perbelanjaan Am)	187,460,955.00	187,460,955.00	142,757,263.24	76.15
Jumlah Perbelanjaan Bekalan	1,392,825,920.00	1,392,825,920.00	1,276,550,827.21	91.65
PERBELANJAAN MENGURUS (sebelum pindahan)	1,460,000,000.00	1,460,000,000.00	1,340,788,671.24	91.83
B.06 Caruman Kumpulan Wang Pembangunan/Hutan	1,605,800,000.00	1,605,800,000.00	1,277,000,118.64	79.52
PERBELANJAAN MENGURUS (selepas pindahan)	3,065,800,000.00	3,065,800,000.00	2,617,788,789.88	85.39

Maklumat terperinci perbelanjaan mengurus dapat dirujuk di Lampiran 1 – Penyata Perbelanjaan Mengurus bagi tahun berakhir 31 Disember 2018.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018

6. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

Akaun Pinjaman Disatukan mengakaun semua pinjaman yang diterima oleh Kerajaan Negeri daripada Kerajaan Persekutuan di bawah kuasa Undang-Undang Negeri dan pembayaran yang berkaitan.

Akaun Pinjaman Disatukan pada 31 Disember 2018 adalah seperti berikut:

Perihal	2018 (Debit) / Kredit RM	2017 (Debit) / Kredit RM
PINJAMAN		
Pihak Berkuasa Tempatan		
Baki pada 1 Januari	0.00	0.00
Terimaan	0.00	0.00
Bayaran / Pindahan	0.00	0.00
Baki pada 31 Disember	0.00	0.00
Badan Berkanun		
Baki pada 1 Januari	0.00	0.00
Terimaan	0.00	0.00
Bayaran / Pindahan	0.00	0.00
Baki pada 31 Disember	0.00	0.00
Bekalan Air		
Baki pada 1 Januari	0.00	0.00
Terimaan	17,676,943.00	52,084,295.00
Bayaran / Pindahan	(17,676,943.00)	(52,084,295.00)
Baki pada 31 Disember	0.00	0.00
Perumahan Awam Kos Rendah		
Baki pada 1 Januari	0.00	0.00
Terimaan	0.00	0.00
Bayaran / Pindahan	0.00	0.00
Baki pada 31 Disember	0.00	0.00
Pelbagai		
Baki pada 1 Januari	0.00	0.00
Terimaan	0.00	0.00
Bayaran / Pindahan	0.00	0.00
Baki pada 31 Disember	0.00	0.00
BAKI AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	0.00	0.00

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018

7. AKAUN AMANAH DISATUKAN

Akaun Amanah Disatukan mengakaun semua terimaan dan bayaran wang amanah mengikut kehendak undang-undang, akta-akta amanah, suratcara amanah, arahan amanah dan perjanjian. Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Deposit.

Akaun Amanah Disatukan pada 31 Disember 2018 adalah seperti berikut:

